



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

JAUHI ZINA

Tarikh Dibaca :

31 JANUARI 2020 / 06 JAMADIL AKHIR 1441H

Disediakan oleh :

Bahagian Rujukan Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pahang



Khutbah Jumaat

Jauhi zina



JAUHI ZINA

31 Januari 2020 \ 06 Jamadil Akhir 1441H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِكَ وَرَسُلِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ،

يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah
Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan



segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Apabila kita mendengar kes-kes yang berkaitan pembuangan bayi serta bilangan anak tidak sah taraf semakin meningkat, ini menunjukkan perbuatan zina juga berlaku secara berleluasa. Keadaan ini berpunca kerana sikap memandang kecil dan remeh kepada dosa zina yang keji. Sedangkan Allah Subhanahuwa-Ta'ala telah berfirman dalam surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَةَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ۝٣٢

Yang bermaksud: “ *Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)*”

Allah Subhanahuwa-Ta'ala telah menyebut zina itu adalah keji dan pasti membawa kepada keburukan. Zina adalah dosa besar, oleh itu Imam Ahmad berkata yang bermaksud:

“Aku tidak mengetahui dosa yang besar selepas membunuh melainkan dosa zina”

Kesan dosa zina ini amat dahsyat kerana perbuatan keji ini akan merosakkan keturunan, keluarga, berlakunya kes pembuangan janin dan anak, menjatuhkan



nama baik kaum kerabat, memecah-belahkan hubungan silaturahim, tersebarnya penyakit yang kronik, nafsu bermaharajalela dan pelaku zina akan dipandang rendah dan hina di sisi masyarakat. Orang yang berzina sebenarnya mereka telah tercabut iman ketika melakukan perbuatan keji ini. Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim:

لا يَزِنِي الزَّانِي حِينَ يَزِينِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Yang bermaksud: “Tidak berzina seorang itu yang mana ketika dia berzina dia dalam keadaan sempurna imannya.”

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Bagi tujuan mengelakkan diri daripada dosa zina yang keji ini, Allah Subhanahu wa-Ta’ala memerintahkan kita semua agar jangan mendekati zina. Apa sahaja perbuatan yang mendorong diri kita kepada zina adalah haram.

Oleh itu, jauhilah perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah seperti melihat aurat wanita dengan sengaja atau menonton bahan-bahan lucah. Allah Subhanahu wa-Ta’ala memerintahkan agar kita menutup pandangan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Nur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ

خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ



Yang bermaksud : *“Katakanlah kepada lelaki beriman hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka yang demikian itu lebih suci bagi mereka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka lakukan.”*

Nasihatkanlah isteri dan anak-anak perempuan kita agar menutup aurat dengan sempurna kerana mendedahkan aurat juga adalah perbuatan mendekati kepada zina. Apabila seorang perempuan yang keluar dalam keadaan mendedahkan aurat dan dihiasi dengan perhiasan yang keterlaluan ini akan mengundang kepada zina. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim:

Yang bermaksud : *“Dua jenis manusia yang menjadi ahli neraka yang aku tidak pernah lihat, Perempuan-perempuan yang memakai pakaian tetapi masih (seperti) bertelanjang, yang cenderung melakukan maksiat, menggoda orang lain untuk melakukan maksiat, kepala mereka seperti bonggol unta, mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium baunya sama sekali”.*

Antara perbuatan yang mendekati juga kepada zina ialah duduk berduaduaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Perbuatan ini adalah haram lagi ditegah sama ada berduaduaan itu berlaku di taman-taman bunga, di dalam bilik hotel dan begitulah juga dalam kenderaan. Duduk berduaduaan bersama bukan mahram merupakan suatu ruang yang besar untuk dimasuki oleh syaitan dalam usaha merosakkan anak Adam serta menimbulkan fitnah pada diri mereka. Ini bertepatan dengan hadis riwayat al-Tirmizi yang bermaksud:

“Ketahuilah bahawa tidaklah berduaduaan seorang lelaki dan seorang perempuan itu melainkan yang ketiganya adalah syaitan.”



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa-Ta'ala

Hari ini kita berhadapan cabaran besar kerana dosa zina yang keji ini telah mula dianggap ringan. Muncul pula kelompok-kelompok yang kononnya memperjuangkan Hak Asasi Manusia lalu menganggap zina adalah hak individu. Lalu perkataan zina yang keji itu telah ditukar kepada persetubuhan haram atau seks luar nikah. Sedangkan dalam Islam, zina merupakan suatu larangan bahkan boleh mengundang murka Allah Subhanahuwa-Ta'ala.

Perbuatan zina akan mendatangkan kesan yang buruk kepada pelaku dan anak yang dilahirkan. Penzina boleh dijatuhkan hukuman hudud dengan seratus kali sebatan bagi yang belum berkahwin dan rejam bagi yang telah berkahwin. Manakala anak yang dilahirkan hasil daripada perbuatan zina tidak boleh dinasabkan kepada lelaki penzina, tidak layak menerima pusaka atau faraid dan tidak boleh menjadi wali atau diwalikan oleh lelaki penzina. Malahan, kesan psikologi kepada anak zina ini ialah mereka merasa rendah diri, malu, tidak boleh menerima kenyataan, rasa tertekan dan tersisih serta dipandang hina oleh masyarakat.

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Ahmad yang bermaksud:

“Umatku sentiasa dalam keadaan baik selagi mana anak zina tidak tersebar dalam kalangan mereka. Apabila tersebar pada mereka anak zina, maka hampir-hampir sahaja Allah Subhanahu wa-Ta'ala menurunkan azab ke atas mereka.”



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ

كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat setiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali sebatan dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat serta hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan itu oleh sekumpulan daripada orang yang beriman.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.